

CNS6110

U GB 13-01 00185 BC503

AAB

Mahathir - Swasta

DASAR PENSWASTAAN KERAJAAN BANTU PERHEBAT PEMBANGUNAN

KUALA PERLIS, 13 Jan (Bernama) -- Langkah kerajaan menggalakkan pihak swasta memainkan peranan penting dalam bidang ekonomi membolehkan negara berkembang maju dan mengadakan lebih banyak pembangunan kepada rakyat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, dengan peranan cergas sektor swasta dalam kegiatan ekonomi akan lahir ramai pengusaha dan peniaga yang berjaya dan membolehkan kerajaan memungut cukai bagi membiayai projek-projek pembangunan.

Ketika berucap merasmikan terminal feri baru Kuala Perlis berharga RM37.4 juta di sini hari ini, beliau berkata, pada masa dahulu projek-projek pembangunan bergantung kepada peruntukan kerajaan dan kemampuannya terhad.

Katanya, ini terbukti pada masa dahulu Kuala Perlis hanya mempunyai kawasan terminal yang kecil dan kurang selesa tetapi melalui kemajuan yang dicapai terminal itu kini lebih besar dan selesa untuk menampung beribu-ribu pelancong yang melawat Pulau Langkawi.

Beliau berharap pembinaan terminal itu akan memberi faedah bukan sahaja kepada pelancong tetapi turut memanfaatkan penduduk tempatan dengan mengambil kesempatan menjalankan perniagaan seperti menyewakan tempat letak kereta dan mengadakan perkhidmatan mencuci kenderaan. -- Lagi.

▼13/01/18-44MST

U GB 13-01 00119 BC504

AAB

Mahathir - Swasta 2 Kuala Perlis

Katanya, kerajaan secara sendiri tidak mungkin dapat mengadakan segala kemudahan dan kemajuan tanpa perkembangan ekonomi yang dimainkan oleh pihak swasta.

Dr Mahathir berkata dengan keuntungan yang dicapai oleh pihak swasta lebih banyak cukai dapat dipungut oleh kerajaan.

Katanya, perubahan yang dicapai sekarang akan berterusan dan lebih banyak pembangunan akan dapat dilakukan di seluruh negara, dengan syarat keadaan aman dan mendapat kerjasama rakyat.

Beliau berharap kedudukan Malaysia sebagai negara contoh kepada negara-negara membangun yang lain akan dapat dikekalkan.

Perdana Menteri juga berkata, beberapa projek kerajaan seperti tebusguna tanah yang dimulakan di Perlis akan diteruskan ke Kedah dan Pulau Pinang. -- Lagi.

▼13/01/18-49MST

U GB 13-01 00167 BC505

AAB

Mahathir - Swasta 3 (Akhir) Kuala Perlis

Katanya, dengan demikian akan wujud lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat untuk perkembangan ekonomi.

Dr Mahathir berkata di bawah pimpinan Menteri Besar Dr Abdul Hamid Pawanteh, Perlis terus maju dan mencapai kemajuan sama dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

Beliau berharap semua pihak akan terus menjaga kecantikan dan kebersihan terminal feri itu bagi menarik lebih ramai pelancong ke sini.

Dr Abdul Hamid pula dalam ucapannya berkata kejayaan yang dicapai oleh Perlis sekarang banyak bergantung kepada bantuan kerajaan Pusat kerana Perlis tidak mampu melaksanakan projek-projek pembangunan jika semata-mata bergantung kepada sumber hasil negeri.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik pula berkata pembinaan terminal itu akan memberi kemudahan kepada pelancong melawat Langkawi dan mengembangkan ekonomi Perlis.

Dr Mahathir kemudian menaiki feri Lada Dua, kepunyaan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) yang berlabuh di terminal itu dan menghabiskan masa kira-kira 10 minit melawat feri itu. -- Bernama.

SM AZ.

▼13/01/18-53MST